



SEMINAR ADAT PERPATIH NANING

(Meningkatkan Kesedaran Dan Penghayatan Adat)
15 Mac 1997

ADAT MELAYU TEMENGGONG

Oleh:

Ybhg. En. Zainal Abidin bin Borhan
Akademi Pengajian Melayu, UM



Anjuran
KERAJAAN NEGERI MELAKA
dengan kerjasama
PERBADANAN MUZIUM MELAKA
dan
PEJABAT DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA

ADAT MELAYU TEMENGGUNG

Oleh:
Zainal Abidin Borhan
Jabatan Sosio-Budaya Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

1.0 Pengenalan

Terdapat dua sistem sosial atau sistem budaya di Melaka, iaitu **Adat Naning** (Adat Perpatih) dan **Adat Temenggung** di Melaka. Adat Perpatih Naning terlaksana dalam Luak Naning di 24 buah mukim, dan Adat Temenggung pula terlaksana di daerah di luar Luak Naning.

Kertas kerja ini membataskan pembicaraannya kepada adat Melayu yang dikonsepsikan sebagai adat Temenggung, iaitu adat yang diamalkan di daerah *pantai* negeri Melaka. Agak sukar juga untuk membicarakan adat Melayu Temenggung Melaka kerana bahan bertulis mengenainya tidak banyak, berbanding Adat Perpatih Naning yang telah banyak dikaji oleh para sarjana dalam dan luar negeri. Barangkali dengan melihat sejarah semula dapat difikirkan kembali persoalan ini.

Kertas kerja **Seminar Adat Naning** 15 Mac 1997, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).

2.0 Adat Melayu Temenggung: Rekonstruksi Asal-Usul

Berdasarkan kepada sedikit penyelidikan yang dibuat, ada dua pendapat mengenai sejarah asal-usul Adat Temenggung. Nama sistem adat ini jelas tergambar di dalam cerita asal-usul mengenai sistem sosial atau sistem adat. Sistem ini dikatakan berasal dari sumber yang sama seperti Adat Perpatih, iaitu dari Sumatera; khususnya dari Minangkabau. Dua watak atau dua tokoh yang seibu tetapi berlainan bapa yang dikenali sebagai Datuk Temenggung Bendahara Kaya dan Datuk Perpatih Nan Sebatang. Datuk Temenggung memerintah di kawasan persisiran (pantai) manakala Datuk Perpatih di kawasan darat.

Abdullah Siddik (1975:112) menulis bahawa di Minangkabau, menurut Tambo terdapat dua beradik yang seibu dari keluarga bangsawan, iaitu Sutan Paduka Basa, dengan gelar Datuk Ketamanggungan, dan Sikalokduni, dengan gelar Datuk Perpatih Nan Sabatang.

Perbilangan di bawah jelas menggambarkan wilayah dan pelaksanaan kuasa sistem Adat Temenggung (AT):

Kawasan Datuk Temenggung
Mengalir air yang bergelombang
tempat ombak memecah
tempat pasir yang memutih
tempat tebing yang menjalar
tempat tanjung yang memanjang
tempat dagang keluar masuk
tempat saudagar bejual beli
.....

(Abu Hassan Sham & Mariyam Salim: 1995: XXV)

Sedangkan tempat, wilayah atau negeri untuk Adat Perpatih (AP), digambarkan di dalam perbilangan berikut:

tempat air segantang selubuk
tempat sedengkang berbunyi malam
tempat harimau berhukum
tempat babi bertimbang
tempat akar bercampak daun
tempat meranti bersanggit dahan
tempat tupai berturun naik
tempat kera berlompat-lompatan
tempat beruk berbuai kaki
tempat siamang bergurauan
tempat helang berulang tidur
tempat musang tidur bergulung
tempat katak berbunyi malam
tempat ungka bersayu hati
tempat pontianak berjerit-jeritan.

(Abu Hassan Sham & Mariyam Salim:1995)

Dari perbilangan tersebut, pelaksanaan AT berlaku di kawasan pantai, pelabuhan, kota atau bandar. Tempat pertemuan dagang peri, saudagar berjual beli yang barangkali **maritime-based**. Di tempat seperti ini negeri (nagari), kota-kota, bandar, istana Melayu dibina seperti Melaka, Johor, Johor-

Riau, Siak, Jambi, Palembang, Pontianak, Sambas, Pattani, Kedah, Aceh dan lain-lain lagi. Berbeza dengan wilayah pelaksanaan adat Perpatih yang berlaku di daerah **darat** dan pendalaman yang barangkali *peasantry* sifatnya dan **land-based**. Perbezaan wilayah pelaksanaan yang ketara ini, membezakan corak pentadbiran, pemerintahan malahan struktur masyarakatnya. AT menyusur-galur keturunan di sebelah bapa (**patrilineal**), sedangkan AP disebelah ibu (**matrilineal**).

Pendapat kedua menyatakan bahawa AT tidak berasal dari Minangkabau. Wilkinson (Hooker, 1970:6-37) berpendapat bahawa adat ini berasal dari kerajaan Melayu Palembang/Sriwijaya, yang wujud di sekitar 900-1375 Masehi. Adat ini telah berkembang ke Singapura dan Melaka yang dibawa oleh keturunan raja Palembang. Dari Melaka adat ini berkembang di wilayah lain di Tanah Melayu seperti Johor, Perak, Pahang, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Abdullah Siddik (1975:158) juga berpendapat bahawa adat ini berasal dari Palembang, di Sumatera Selatan dan istilah atau nama AT ini tidak dikenal sama sekali dalam sejarah. Malah Abdullah selanjutnya menyatakan bahawa istilah AP dan AT tidaklah lazim dipakai di negeri asal Minangkabau, cuma wujud berdasarkan tambo Minangkabau. Menurut beliau lagi di Tanah Melayu, dari segi sejarah pada mulanya dikenal sebagai Adat Melayu sahaja (1975:159).

Para sarjana/pentadbir Inggeris menyebut kedua-dua jenis adat (AP dan AT) sebagai **Malay Custom**, sebagai terjemahan kepada Adat Melayu, apabila mereka (Inggeris) berjaya mengecilkan kuasa Raja-raja Melayu, seperti yang tercatat di dalam perjanjian Pangkor 1874. Perjanjian antara Inggeris dengan Raja-raja Melayu telah memperuntukkan bahawa Inggeris tidak akan campurtangan hal-hal yang berkaitan dengan Agama dan Adat Melayu (*Malay Religion and Custom*). Tetapi terdapat para pentadbir mereka menggunakan perkataan *Malay law and customs* bagi merujuk kepada hukum adat (W.E. Maxwell, 1884; J.R. Logan, 1855; dan R.J. Wilkinson, 1908)

Dengan kebijaksanaan, kecekapan dan kehalusan, mereka telah berjaya mengecilkan AT dan malah adat Melayu. E.N. Taylor, Hakim Mahkamah Tinggi; pada 1948 berpendapat bahawa di Selangor, Perak dan Pahang, adat Melayu disebut sebagai adat kampung sahaja. Begitu juga K.O.L. Burridge, tidak menyebut adanya adat yang mempunyai nama khas, tetapi mengguna istilah **adat Melayu** atau **adat kampung**, bukannya AT (Abdullah Siddik, 1975:160).

Sedangkan Hooker, seorang pengkaji *Malay Adat Laws*, menyebut bahawa AT sebagai **adat yang bukan AP** (1972:28), juga meliputi **adat kampung, adat Melayu adat ketua, dan adat mukim** (1970:xi). Kepada beliau AT mempunyai asas perbezaan yang ketara dengan AP berdasarkan

sistem peranakan dwinisab (**bilateral**) bukannya senisab seperti yang selama ini difahami tentang AT. Mungkin di tanah asalnya AT senisab, iaitu bernisab sebelah bapa manakala AP bernisab ibu (**matrilineal**).

==
Berbalik kepada pendapat bahawa AT atau adat Melayu berasal dari Palembang, mempunyai asas yang kukuh. Sistem adat ini berasaskan pemerintahan beraja yang aristokratik dan autokratik bukannya demokratik seperti AP (Abdullah Siddik, 1975:159). Wilkinson (Hooker, 1970:7) dan Abdullah Siddik (1975:159) secara mudah menyatakan bahawa AT mengamalkan sistem yang autokratik. Hooker (1979:39) berpendapat pandangan tersebut dibuat secara simplistik, tanpa mengkaji akan keseluruhan kedinamikan sosial, hukum dan peraturan yang terkandung di dalam AT. Dengan tanggapan sedemikian, barangkali Winstedt (1947:79) menterjemahkan AT sebagai 'law of the Minister for War and Police'. Satu terjemahan literal dari Temenggung, yang menduduki hirarki ketiga dalam peringkat kekuasaan kerajaan Melayu. Sistem beraja ini telah mampu mewujudkan hukum kanunnya sendiri dan undang-undang laut sepertimana berlaku di zaman kesultanan Melaka. AT mempunyai asas yang kukuh dari segi tradisi hukum kanunnya.

Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim (1995:xxii-xxiii) mengkategorikan Adat Temenggung kepada beberapa kategori, iaitu:-

- (i) Undang-undang negeri - negara kota; yang meliputi Hukum Kanun Melaka,
- (ii) Undang-undang negeri pada zaman yang lebih kemudian, yang lebih banyak dipengaruhi oleh undang-undang Islam seperti *Thamarat-al-Muhimmah*, *Muqaddimah fi Intizam* dan *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk*.¹
- (iii) Undang-undang di Sumatera yang bukan Adat Perpatih, seperti *Undang-undang Palembang*, *Aturan dan Undang-undang dalam Pegangan Moko-Moko*, *Undang-undang Jambi*, *Peraturan Bambang dalam Negeri Bangkahulu*, dan *Undang-undang Pasumah*.
- (iv) Peraturan dan Adat seperti *Adat Raja-raja Melayu*.
- (v) Undang-undang negeri yang juga mengandungi butir-butir undang-undang pelabuhan. Sebagai contoh *Undang-undang Kedah* dan *Adat Acheh*.
- (vi) Undang-undang pelayaran di laut, seperti *Undang-undang Laut Melaka*.

Abu Hassan dan Mariyam (1995: Bab II dan III) berpendapat bahawa lantaran luasnya wilayah dan jajahan takluk Kesultanan Melaka, hukum kanun atau undang-undang AT di beberapa daerah atau wilayah, seperti Johor, Pahang, Kepulauan Riau, telah dipengaruhi oleh Hukum Kanun Melaka. Mereka telah membuktikan bahawa Undang-undang Johor, Hukum Kanun Pahang dan Undang-undang Riau merupakan hukum kanun yang berasaskan AT. Di samping itu mereka juga menyatakan bahawa Undang-undang Kedah juga telah dipengaruhi AT. Hukum Kanun Melaka ini boleh

¹Sila lihat catatan kaki 21, 22 dan 23 seperti yang terkandung di dalam buku Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, *Sastera Undang-undang*, DBP, 1995. *Thamarat* dan *Muqaddimah* dicetak di Lingga pada 1858 Masihi dan 1887 Masihi, manakala *Itqan* digubal di 1911 di Terengganu.

dianggap induk kepada undang-undang Melayu dalam lingkungan AT di Malaysia (Abdullah Siddik, 1975:34).

Dari kajian dan penyelidikan yang dikemukakan oleh sarjana Pengajian Melayu seperti Abu Hassan Sham (1995) telah secara tidak langsung memberi kepada kita untuk membuat pentafsiran atau rekonstruksi tentang AT khususnya pelaksanaan AT dari semenjak zaman Kesultanan Melayu.

Setiap masyarakat berusaha untuk mengatur hidup mereka untuk mencapai satu tahap kesejahteraan (*social order*) di kalangan anggota masyarakat. Hukum dan peraturan, sistem kepimpinan, hukum perwarisan dan pelbagai upacara (*ritual*) untuk melengkapi hidup mereka. Dalam masyarakat yang belum mengenal tulisan, organisasi tribal (puak atau suku), lagenda, cerita asal-usul adalah elemen yang digunakan untuk mengabsah pelaksanaan sistem sosial tersebut, malah berperanan sebagai piagam sosial (*social charter*) masyarakat.

Dengan perkembangan masyarakat, organisasi tribal berubah menjadi organisasi yang lebih kompleks, beraja, bersultan menguasai alam, memiliki wilayah politik dan jajahan takluk (**kerajaan**). Organisasi yang sedemikian pula perlu didokong atau disokong oleh satu sistem birokrasi yang berhirarki, dibantu oleh birokrat atau pembesar yang bergelar Bendahara, Temenggung, Laksamana, Penghulu, Bendahari, Syahbandar dan sebagainya.

Justeru itu adat, hukum dan peraturan perlu dikanunkan, dilembagakan atau diinstitusikan untuk memudahkan pelaksanaan pemerintahan, di samping memerlukan instrumen seperti pegawai (*functionaries*) untuk memudahkan lagi perintah raja. Di samping itu diwujudkan juga **Undang-undang Laut Melaka** (UULM), untuk memudahkan pelaksanaan perdagangan di pelabuhan dan di atas kapal. Undang-undang UULM adalah sebahagian daripada AT atau Adat Melayu Melaka. Menurut Yusuf Hashim (1989) terdapat juga apa yang disebut sebagai Undang-Undang Pebian yang merujuk kepada hal-hal pencukaian, duti, dan kastam.

Adat Temenggung yang terlaksana di kalangan organisasi tribal di kawasan pesisiran telah berkembang menjadi adat raja dan kerajaan. Adat ini telah berkembang dengan begitu kompleks sekali seperti mana yang dapat kita lihat di dalam Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Johor, Hukum Kanun Pahang dan sebagainya.

Oleh kerana masyarakat AT adalah masyarakat perdagangan, dan berinteraksi dengan pedagang asing dari luar, raja mengizinkan masyarakat asing membuka petempatan sendiri. Tidak hairan di Melaka pada suatu masa dahulu ada Kampung Jawa, Kampung Keling, Kampung Pali dan Kampung

Cina. Di setiap kampung ini pula ada ketua mereka sendiri yang dikenali sebagai Tok Dagang atau Tok Empat, Kapitan (Kapit + an), Medeliar.²

Di setiap mukim dan kampung organisasi kepimpinan diketua oleh seorang Penghulu dan Sidang. Mereka inilah yang memimpin atau mengepalai organisasi AT diperingkat berkenaan. Begitu jugalah di peringkat daerah, jajahan, Orang Besar, Pembesar, Orang Kaya-kaya dilantik oleh raja untuk mengendali AT diperingkat berkenaan, seperti Undang atau Penghulu Luak di dalam AP.

Memetik pendapat Wilkinson (Hooker; 1970:38), AT telah berkembang di zaman Kesultanan dengan mencapai tahap tamadun material yang tinggi; mewujudkan tradisi kehidupan istana yang halus; membawa ide baru di dalam pemerintahan orang Melayu; membuka banyak kawasan baru, dan menarik pedagang asing ke kawasan ini. Wilkinson juga berpendapat, AT yang bermula sebagai *unwritten law* (hukum atau undang-undang tidak bertulis) telah berkembang menjadi hukum kanun, undang-undang bertulis masyarakat yang kosmopolitan (Hooker, 1970:34 dan 38).

²Tok Dagang atau Tok Empat ialah ketua orang dagang (orang asing). Kapitan ialah istilah yang digunakan oleh Portugis, Belanda dan Inggeris semasa mereka menguasai Melaka. Dari penyelidikan singkat yang dibuat di kalangan orang Melayu Sri Langka, Medeliar atau Maudilyar ialah ketua orang Melayu yang dilantik oleh Kolonial Inggeris di Sri Langka untuk membantu pemerintah Inggeris. Maudilyar ini juga merupakan pembantu kepada pegawai Daerah (*District Officer*).

3.0 Pelaksanaan Adat Temenggung

Perlaksanaan AT sepertimana yang tercatat di dalam Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Johor dan sebagainya memerlukan satu penyelidikan, atau kajian teks yang khusus berdasarkan pendekatan historikal, persuratan, antropologikal dan sosiologikal sesuai dengan masyarakat pada zaman tersebut. Apa yang ingin dipaparkan ialah tanggapan umum dan penemuan yang telah dirumuskan oleh pengkaji atau sarjana terdahulu.

Di peringkat awal tulisan ini dinyatakan bahawa AT mengamal sistem persanakan atau kekerabatan yang dwinisab atau **bilateral**, iaitu menyusur-galur kerabat mereka dari kedua-dua pihak bapa dan ibu. Di Tanah Minang terutama di kawasan pesisir, AT yang pada mulanya memakai sistem *unilateral matrilineal* berkembang di bawah pengaruh Islam ke arah masyarakat yang tidak mempertahankan suku lagi (Abdullah Siddik, 1975:159), dan lebih menekankan hubungan yang bilateral.

Pengaruh Islam cukup penting dalam mendasari AT di samping mengekalkan adat tradisi. Di dalam sistem perkahwinan AT sebagai contoh, lebih banyak dipengaruhi hukum syarak atau syariah, khususnya Mazhab Shafii, terutama berkaitan dengan larangan berkahwin, nikah, cerai, rujuk, nafkah, dan hukum perwarisan.

Walaupun hukum tersebut menurut Mazhab Shafii, tetapi telah banyak dipengaruhi oleh adat istiadat Melayu (Abdullah Siddik, 1975:162). Sesuatu perkahwinan menurut AT kerap kali di dahului dengan pinang-meminang yang dilakukan oleh keluarga lelaki. Hasil peminangan ini diikuti pula dengan adat pertunangan yang dilakukan di zaman pihak perempuan. Pada hari pertunangan dipakatkan (musyawarah) ditetapkan tarikh perkahwinan, jumlah **belanja**, hantaran³ dan hadiah-hadiah iringan.

Jika persetujuan (pertunangan) diputuskan oleh salah satu pihak tanpa sebab-sebab yang sah di sisi undang-undang, menimbulkan akibat hukum adat. Jika pihak perempuan yang mungkir, wajib mengembalikan wang hantaran (jika ada) dan hadiah pertunangan, di samping gantirugi yang dipersetujui. Jika pihak lelaki yang ingkar janji, segala wang hantaran (jika ada), cincin pertunangan, dan lain-lain hadiah kekal di pihak perempuan.

³Terdapat beberapa konsep adat berhubung hal ini, ada yang menyebut **hantaran**, **belanja** dan **hadiah**. Hantaran atau belanja, ada yang disebut serba satu, hangus dan sebagainya. Namun terdapat dua konsep yang kadangkala diertikan serupa iaitu **mahr** dan **mas kahwin**, walaupun secara harfiah bermaksud pemberian. Mas kahwin sebenarnya adalah hantaran yang diberikan oleh pihak lelaki kepada keluarga pengantin perempuan, sedangkan **mahr** adalah pemberian wang dari pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Menurut hukum syarak mahr bukan sahaja merupakan hak khusus pengantin perempuan, di mana ia dapat meminta apa yang dikehendakinya dan dapat pula membebaskan sebahagian, tetapi juga menjadi hak milik peribadinya (Al Quran, iv: 4, 20 dan 21).

Jika semua perjanjian berjalan dengan baik, maka pada hari yang ditetapkan berlangsunglah majlis perkahwinan. Perkara utama acara ialah akad-nikah, yang dilaksanakan mengikut hukum syarak. Perkahwinan menurut syarak adalah satu ikatan, kontrak yang memerlukan ijab dan kabul, yang biasanya dilakukan di rumah pengantin perempuan. Kontrak ditawarkan oleh wali si pengantin perempuan atau *berwakil wali* melalui jurunikah kepada pengantin lelaki. Ijab dan kabul dilakukan di hadapan dua saksi.

Di samping hukum syarak, perkahwinan pasangan tersebut juga perlu mematuhi hukum atau Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri, seperti mendaftarkan perkahwinan di dalam borang-borang tertentu. Pihak Pendaftar juga boleh menyiasat latar belakang status pengantin lelaki apakah ia masih bujang atau tidak dengan memastikan pihak lelaki mendapat surat pengesahan dari pihak pendaftar perkahwinan mukim dan kariahnya, di samping surat pengesahan dari majikan.

Menurut AT, perkahwinan Melayu tidak dianggap sempurna tanpa adat-istiadat lain seperti *perarakan* pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan, upacara bersanding, naik pelamin (raja sehari), kenduri kahwin, bersiram dan bertandang.

Hukum penceraian, talak dan rujuk yang diamalkan juga menurut hukum syarak, dan menjadi peraturan atau adat negeri, setiap penceraian hendaklah dilaporkan atau didaftarkan di Pejabat Agama Islam Negeri.

Menurut AT harta yang diperolehi semasa perkahwinan pada amnya disebut *harta sepencarian* atau *harta carian bersama*. Menurut Abdullah Siddik (1975:177), konsep ini adalah konsep adat bukannya konsep yang berasaskan hukum syarak. Begitu juga dengan konsep *harta bawaan* atau *harta dapatan*.

4.0 Perubahan

Di zaman Portugis, Belanda maupun British khususnya Hukum Kanun Melaka, dan Undang-undang Laut Melaka tidak berlaku lagi. Undang-undang kolonial dilaksanakan. Sistem perhambaan dihapuskan; keris tidak dibenar lagi disisip di pinggang, dengan lain perkataan undang-undang adat tidak lagi menjadi undang-undang negeri. Lantaran Melaka di bawah pemerintahan British, serta salah satu negeri Selat (Straits Settlement), maka sudah tentu undang-undang British menjadi asas pentadbiran.

Hal-hal berhubungan dengan jenayah diletakkan di bawah *Penal Code* atau kini dipanggil kanun keseksaan. Hukum Islam tidak dilaksanakan lagi di Melaka pada masa itu. Undang-undang British dilaksanakan dan menjadikan hukum adat, khususnya adat Melayu Melaka sekadar *adat kampung* atau *adat mukim*, atau *adat ketua*.

Belanda dan British khususnya mewujudkan masyarakat kolonial yang kosmopolitan untuk memenuhi matlamat ekonomi mereka. Masyarakat ini

tidak pernah bertuankan raja Melayu. Mereka bertuankan Belanda atau British. Sebagai imigran matlamat mereka ialah untuk mendapatkan keuntungan sebanyak mungkin dan kembali ke tanah leluhur masing-masing. Seperkara yang menarik di waktu itu ialah persoalan tanah, kerana tanah adalah komoditi yang utama, manakala pertanian merupakan industri utama di samping perlombongan bijih.

Di zaman kesultanan Melaka tanah adalah hak sultan, dan rakyat jelata diberi izin untuk mengusahakannya. Hukum Kanun Melaka sendiri banyak menjelaskan aspek ini. W.E. Maxwell (1884) telah menulis tentang persoalan pemilikan dan pengerjaan tanah di Melaka. Selain dari tanah di lingkungan Adat Naning, terdapat juga luar kawasan Naning, yang telah diinstitusikan sebagai tanah adat.

Ahmad Ithnin (1968) telah secara historikal menulis tentang persoalan ini. Beliau menyebut bahawa di zaman kerajaan Melayu Melaka cukai yang dikutip dari pengerjaan tanah ialah sepuluh persen atau satu persepuluh dari hasil. Kaedah pencukaian ini berterusan di zaman Portugis dan Belanda.

Ahmad Ithnin (1968:132) telah melampirkan satu pengumuman dari pihak Belanda tentang kaedah tersebut. Pengumuman tersebut bertarikh 14 Disember 1773. Pengumuman ini dibuat kerana terdapatnya aduan kepada mahkamah Pengadilan, bahawa kapitan Melayu yang memiliki tanah di Sungai Putat dan Batu Berendam, telah mengenakan sewa atau cukai lebih dari

sepuluh peratus ke atas penyewa tanah beliau. Mahkamah mengambil keputusan mengenakan denda 500 Rix dollars kepada setiap kesalahan, separuh dari denda akan diberi kepada Gereja dan separuh diambil oleh Belanda.

Dari apa yang dipaparkan oleh Ahmad Ithnin, didapati bahawa Portugis, Belanda dan British masih mengekalkan tanah adat dan masih mengekalkan kaedah pencukaiannya. Portugis, Belanda dan British masih mengiktiraf undang-undang tanah adat. Pada penghujung abad ke-17 Belanda telah menubuhkan Mahkamah Suruhanjaya Kehakiman yang ditugas untuk menyelesaikan persoalan sempadan tanah di sekitar bandar dan kota Melaka. Setiap lot diukur dan sempadannya ditetapkan, dan dikeluarkan surat kuasa tanda pemilikan, atau dikenali sebagai *grant Belanda*. Menurut Ahmad Ithnin, geran tanah yang tertua dicatat oleh Pejabat Tanah Melaka bertarikh 1695 (1968:2). Selain dari mengekalkan sistem tanah adat, Belanda juga mengekalkan hukum perwarisan harta Islam, iaitu Hukum Faraidh. Belanda juga terus mengekalkan pembahagian hasil tanah yang disewa, yang secara adat Melayu dikenali sebagai bahagi tiga, iaitu, seperti diberi kepada penyewa dan dua pertiga kepada pemilik tanah.

Di zaman British, pada 1886 satu ordinans telah diluluskan untuk mengemaskini undang-undang mengenai tanah adat di Melaka. Ordinans ini dikenali sebagai *Malacca Land Customary Rights Ordinance 1886*. Ordinans ini menjadi undang-undang Negeri Selat. Ordinans ini mentakrif pemilikan

tanah, hak pemilikan tanah, tukar milik tanah, dan sebagainya. Satu *register* telah dibuat untuk tanah-tanah mukim yang dikenali sebagai *EMR (Extracts of Mukim Register)*, yang juga kekal sehingga hari ini.

Kuasa adat Melayu diperingkat beberapa buah mukim, mukim atau kampung adalah ditangan *Demang, penghulu* dan *sidang*. Di samping itu di zaman kolonial kuasa adat Melayu di bandar kekal ditangan *kapitan Melayu*. Pimpinan adat Melayu ini diizinkan untuk mewujudkan balai (seperti mahkamah) untuk menyelesaikan masalah adat khususnya yang berhubungan dengan perlakuan anggota atau ahli adat. Hooker (1970:41) menyebut bahawa terdapatnya Ordinans Mahkamah (No. 43/1948) yang membolehkan *Mahkamah Penghulu* diwujudkan dan satu surat kuasa akan dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri. Mahkamah ini memiliki kuasa untuk mendenda kes sivil sehingga RM50 dan kes jenayah sehingga RM50 dan kes jenayah sehingga RM25. Pihak yang dihukum boleh merayu sehingga ke mahkamah majistret. Ordinans ini diguna-pakai di peringkat Penghulu Mukim.

Institut penghulu yang menguasai pentadbiran adat pada suatu masa dahulu telah banyak mengalami perubahan. Kuasa penghulu bukan sahaja berhubungan dengan persoalan tanah di peringkat mukim, tetapi juga bertindak untuk memastikan kesejahteraan dan ketenteraman sosial berlaku di peringkat mukim dan kampung dengan dibantu oleh sidang. Zainal Kling (1984:79-95) telah menulis tentang perubahan yang berlaku di dalam Institusi penghulu tersebut. Perubahan berlaku kerana wujudnya usaha untuk

menyemaĳ semula Peraturan Kerja Penghulu, didorong oleh desakan penghulu sendiri sejak dari 1948, di samping perkembangan baru dalam pemerintahan tempatan. Dengan adanya Majlis Luar Bandar dalam Kerajaan Tempatan pada 1955, dengan wakil dipilih oleh rakyat, memberi saingan kepada Penghulu untuk melaksanakan peranan mereka.

Menurut Zainal Kling lagi (1984:92) pihak Majlis Mesyuarat Undangan Melaka pada bulan Oktober 1957 telah meluluskan Peraturan Kerja Penghulu. Penghulu Mukim boleh dipindahkan ke mukim lain, dan secara rasmi Penghulu telah diiktiraf sebagai pegawai kerajaan dalam pentadbiran negara, serta tertakluk kepada Peraturan Am pegawai kerajaan. Dengan status sedemikian, walaupun seorang Penghulu boleh berfungsi seperti biasa untuk melaksanakan tugas-tugas adatnya dengan dibantu oleh sidang, namun apabila ia dipindahkan ke mukim lain atau terpaksa berada di Pejabat Daerah, mengurangkan interaksi Penghulu dengan anak buah adatnya. Lantaran Penghulu telah dijadikan "alat" pemerintah dan terlibat secara langsung dengan pembangunan negara, maka semakin berkuranglah peranan penghulu dari segi adat. Peranan penghulu dari segi adat telah diambil alih oleh sidang.

Lantaran itu tidak menghairankan bahawa AT yang begitu besar, berasal dari satu kerajaan yang besar dari Palembang, yang juga memiliki lagenda tersendiri, semakin mengecil, dikecilkan oleh pentadbiran Inggeris, dan dilanjutkan pula selepas mencapai kemerdekaan. AT cuma kekal sebagai

adat kampung sahaja yang diketuai oleh Sidang. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di kawasan AT tetapi juga di kawasan AP atau luak Naning.

Rakyat atau anggot adat, barangkali tidak mengadu tentang masalah mereka melalui sidang. Mereka boleh terus ke Pejabat Daerah atau pejabat kerajaan lain, atau mereka mengadu kepada wakil rakyat mereka. Peranan ahli politik kini semakin meningkat khususnya dengan politik pembangunan (*politics of development*) yang menjadi dasar dan sasaran parti politik yang memerintah.

Kerajaan juga mewujudkan struktur baru di peringkat kampung untuk melaksana pembangunan. Melalui JKKK (Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung) yang barangkali juga turut dianggotai oleh sidang kampung, persoalan adat mungkin tidak menjadi agenda mesyuarat.

5.0 Kesimpulan

Perubahan sosio-ekonomi, sosio-politik dan sosio-budaya yang berlaku pada masa kini dan akan datang menuntut kita untuk bersama-sama berpakat, memikirkan kembali kepentingan adat, sama ada AT atau AP. Sesuai dengan matlamat untuk menjadikan Negeri Melaka Negeri Berbudaya, adalah wajar persoalan adat ini dilihat kembali. Negeri Melaka telah menggariskan 10 perkara yang menjadi teras kepada pembentukan negeri berbudaya, iaitu; Beriman dan bertaqwa; Berilmu dan beramal; Berakhlak dan

berbudi; Beradat dan bersopan; bersatu dan bersetia; jujur dan amanah; mesra dan bahagia; sihat dan segar; Bersih dan indah; Maju dan makmur. Adat tidak boleh dipisahkan dari pembangunan khususnya pembangunan insan atau manusia.

Adat kini dipersempitkan, kerana terdapat konsep-konsep yang jelas seperti undang-undang dan lain-lain bentuk hukuman. Adat juga dipertentangkan dengan agama Islam, dan lahirlah pelbagai tanggapan salah tentang adat. Adat berubah, kerana adat memperuntukkan ruang kedinamikannya. Adat berubah kerana manusia, dan, manusia itulah yang mewujudkan Adat.

Setiap istiadat yang dilalui oleh setiap anak Melayu dahulu atau kini, bukan sekadar satu *rites de passage* sahaja, tetapi ia adalah lambang kepada peningkatan kemelayuannya di dalam pusingan kehidupan mereka.

Apakah lambang-lambang Melayu lain di dalam adat Melayu yang dapat digunakan untuk diangkat sebagai imej Melayu di Melaka. Jika adat dikonsepsikan sebagai persoalan mengatur kehidupan manusia, mengatur perlakuan manusia, maka adat Melayu memberikan penekanan kepada akhlak dan moraliti. Seorang yang beradat ialah seorang yang memiliki karekter yang berkualiti tinggi. Kualiti atau nilai tertinggi yang perlu ada di dalam diri seorang Melayu ialah nilai keilahian atau ketauhidan.

Di satu sisi seorang yang beradat ialah seorang yang tahu mengatur tuntutan fardhu 'ainnya, dan disisi yang yang lain pula tahu tuntutan fardhu kifayahnya. Seorang Melayu yang beradat tahu di dalam paksi vertikal kehidupannya, ia tidak memutuskan hubungan sejati lagi abadi dirinya dengan Tuhan dan kepasrahannya kepada Tuhan. Manakala secara horizontal ia tahu akan kewujudan orang lain.

Kini orang Melayu Melaka tidak gemar istiadat yang *elaborate* dan cukup terperinci, mereka lebih gemar yang ringkas kerana menjimatkan masa. Imej ritual *mandi safar*, *joget lambak*, *bertambor*, *tangga batu*, *rumah Melaka*, *kereta lembu* secara perlahan dan tersendiri sudah tiada, kerana perubahan dan pilihan masyarakat. Barangkali juga imej bahasa *kasau* (kasar) seperti *hawau*, *lahabau*, *celaka celanat* juga sudah tiada. Maka, apakah imej baru adat Melaka?

Seperti yang saya kemukakan di atas, imej baru adat Melayu ialah manusia Melayu yang penuh kesopanan dan kesusilaan; berakhlak dan berbudaya; beradat dan beradab; beragama dan berilmu; hatinya lokal, akalnya global, perangainya tidak nakal. Inilah adat atau budaya Melayu Melaka yang berpaksi ketauhidan dan kemelayuan yang mampu menghadapi segala cabaran luar atau dalam, global atau lokal.

Saya ingin meminjam perbilangan Naning tentang seorang lelaki, tentang seorang manusia Melayu Melaka:

"dadanya bidang,
kulitnya tahan,
emasnya banyak,
senjatanya tajam,
mulutnya bacar."

Berbicara tentang adat dan istiadat bukan bermaksud untuk menghidupkan kembali adat Melayu lama, tetapi untuk kita berbincang apakah teladan dan iktibar yang dapat kita ambil untuk membina hidup yang lebih bermakna. Adat Melayu perlu dikaji, khususnya perbilangan, pepatah-petitih dan teromba adat. Kesemua ini adalah pancaran humanisme atau kemanusiaan Melayu yang rasional dan logikal yang berpaksikan ketuhanan. Jika tidak sesuai kita simpan, tetapi jika sesuai digunakan, kita tafsir kembali untuk kegunaan zaman.

Cabaran-cabaran yang ditempuh kini dan akan datang cukup banyak. Lihat pemaparan gejala sosial, rasuah, budaya yang negatif yang berlaku di sekitar kita. Ia amat menggerunkan kita. Mungkin akan mencabar kelangsungan (*survival*) orang Melayu. Adalah dicadangkan agar persoalan adat dalam konteks yang luas, dimasukkan sebagai salah satu dari agenda pembangunan.

Rujukan

- Abdullah Siddik (1975)
Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abu Hassan Sham dan Mariyam Salleh (1995)
Sastera Undang-undang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ithnin (1968)
Land Tenure Systems in Malacca, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hooker, M.B., (1970)
Readings in Malay Adat Laws, Singapore University Press.
- _____ (1972)
Adat Laws in Modern Malaya, Land Tenure, Traditional Government and Religion, Oxford University Press.
- Muhammad Yusoff Hashim (1989)
Kesultanan Melayu Melaka, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Winstedt, R.O., (1947)
The Malays: A Cultural History, Kelly and Walsh Ltd. Singapore.
- Zainal Abidin Borhan (1996)
"Adat Melayu Melaka", kertas kerja *Seminar Adat Melayu Serantau/Serumpun*, 9 - 11 September 1996, anjuran PERZIM, Melaka.
- Zainal Kling (1984)
"Adat Minangkabau di Naning (Melaka): Beberapa Perubahan Struktur", dlm Abdul Latiff Abu Bakar (ed), *Sejarah di Selat Melaka*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Melaka, hal. 79-95.